

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG  
(LAWAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.10.2015**

**Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG [ LAWAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada penabung dalam akaun EPF dari Sarawak yang ingin mendirikan rumah di atas tanah hak milik NCR mereka dibenarkan untuk mengeluarkan sebahagian daripada simpanan EPF mereka untuk tujuan tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tanah-tanah *Native Customary Rights* (NCR) yang telah didaftarkan hak milik di atas nama ahli

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pemilik layak untuk membuat pengeluaran Membina Rumah daripada Akaun 2 apabila membina rumah di atas tanah tersebut.

Amaun yang layak dikeluarkan adalah seperti berikut:

- a. Amaun perbezaan di antara harga rumah dengan jumlah pinjaman (sekiranya mengambil pinjaman) atau amaun harga rumah (sekiranya tidak mengambil pinjaman) dan tambahan 10% dari harga rumah; atau
- b. Semua simpanan dalam Akaun 2,

iaitu mengikut mana yang lebih rendah dan tidak kurang dari RM500.00.